

# 22 lagi pelajar dari China lanjut pengajian di UMS

KOTA KINABALU: Sekumpulan lagi 22 penuntut dari Republik Rakyat China (RRC) tiba untuk melanjutkan pelajaran mereka di Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini.

Mereka yang tiba petang Ahad lepas itu akan menyertai kumpulan terdahulu 37 penuntut China yang tiba pada November tahun lalu.

Ketibaan mereka di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK) disambut para pegawai UMS diketuai Pengarah UMS bagi Pusat Korporat dan Hubungan Antarabangsa, Prof Mohd Yusof Kasim.

Kumpulan pertama itu kini menduduki peperiksaan pertama bahasa Inggeris mereka, sebelum diserapkan ke kelas-kelas biasa, sesuai dengan keperluan menghadiri kursus orientasi enam bulan dalam bahasa Inggeris.

Menurut seorang pegawai UMS, kebanyakan penuntut dari China itu mengambil ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (MBA), sementara sebahagiannya dalam Biologi Marin dan kursus berkaitan industri makanan, serta Sarjana dalam Teknologi Maklumat.

Mengenai masalah yang dihadapi para penuntut China itu, pegawai berkenaan berkata, mereka perlu diorientasi terhadap budaya Malaysia.

Selain daripada membiasakan diri mereka dengan cuaca dan budaya tempatan, yang lain boleh diterima oleh mereka, katanya.

Ini termasuk menghalang pelajar lelaki memasuki asrama perempuan, dan perbuatan lain yang dianggap sebagai maksiat di negara ini.

Sebaik sahaja mereka membiasakan diri dengan budaya Malaysia, pastinya mereka akan dapat menghindarkan diri daripada masalah disiplin, kata pegawai itu.